

AKHBAR : KOSMO

HARI : JUMAAT

TARIKH : 9 APRIL 2010

Kesedaran kanser oral, kepala & leher

09/04/2010 6:39pm

KUALA LUMPUR – Sebanyak 16 pusat perubatan di seluruh negara akan menyertai program minggu kesedaran kanser oral, kepala dan leher dari 12 hingga 18 April ini.

Program yang julung kali diadakan itu ditaja oleh Malaysian Society of Otorhinolaryngologists Head and Neck Surgeons (MSO-HNS) bersama Head and Neck Cancer Alliance bertujuan untuk meningkatkan kesedaran berkenaan masalah kanser kepala dan leher di kalangan masyarakat awam.

Presiden MSO-HNS, Dr. Pua Kin Choo berkata, statistik kanser oral, kepala dan leher pada 2006 di Semenanjung Malaysia menunjukkan ia antara kumpulan kanser yang utama iaitu 2,884 kes, selain kanser payu dara 3,525 kes, diikuti kanser kolorektal 2,866 kes dan paru-paru 2,048 kes.

"Terdapat enam jenis kanser oral, kepala dan leher iaitu kanser nasofaring, kanser tiroid, kanser mulut, kanser kelenjar liur, kanser faring dan kanser sinonasal," katanya pada sidang akhbar pelancaran minggu kesedaran itu di sini hari ini.

"Mengikut statistik data Pendaftaran Kanser Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia, kanser nasofaring merupakan penyumbang kematian terbanyak di Semenanjung Malaysia pada 2006," katanya.

Dr. Kin Choo, yang juga Pakar Perunding Otorhinolaryngologist Head and Neck Surgeon, Hospital Pulau Pinang berkata, terdapat banyak faktor yang menyebabkan seseorang itu mendapat penyakit kanser, antaranya merokok, pengambilan alkohol, seks oral dan faktor pemakanan. – Bernama